

11 FEB 2003

Mahathir-Perutusan

KEMELUT EKONOMI TAK HALANG RAKYAT MALAYSIA TUNAI HAJI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Umat Islam di Malaysia pada umumnya masih berkemampuan dan dapat melakukan ibadah haji dengan baik tanpa halangan meskipun dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dalam perutusannya sempena Hari Raya Aidiladha yang disambut esok, Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia mempunyai taraf sosial dan ekonomi yang semakin tinggi meskipun kos segala-galanya juga meningkat sepanjang masa.

"Namun demikian, kos sara hidup di Malaysia tidak melonjak dengan mendadak lebih cepat daripada kenaikan pendapatan kita. Dengan itu, walaupun kos meningkat tetapi mutu kehidupan kita juga meningkat," katanya.

Dr Mahathir berkata kenaikan kos mengerjakan haji tidaklah sehingga umat Islam tidak dapat membuat ibadat itu melainkan jika seseorang itu betul-betul daif.

Katanya mereka yang menyimpan wang dengan Tabung Haji sudahpun menikmati tambahan kepada simpanan mereka dengan dividen pelaburan yang dibuat Tabung Haji.

"Memanglah benar baru-baru ini keuntungan daripada pelaburan menurun. Kita harus ingat bahawa tidak ada perniagaan yang untung sepanjang masa secara tetap melainkan jika riba diamalkan," katanya.

Sepertimana rakyat terima keuntungan yang tinggi di masa ekonomi negara tumbuh dengan pesat, mereka perlu terima hakikat bahawa di waktu ekonomi tidak tumbuh sepesat dahulu, keuntungan mereka akan kurang, kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia harus bersyukur kerana di negara lain tidak ada keuntungan daripada pelaburan sama sekali.

"Apabila ekonomi pulih dengan baik rakyat akan menikmati jumlah yang bertambah dalam tabungan," katanya.

Dari konteks umat Islam keseluruhannya, Dr Mahathir berkata agama Islam dan penganutnya tidak akan ditindas dan dihina oleh sesiapa jika sifat dan sikap yang dimiliki semasa mengerjakan ibadat haji diteruskan selepas tamat ibadat.

Walaupun ramai orang Islam yang membuat kerja haji lebih sekali, masih ramai yang bersengketa sesama sendiri, suka melempar fitnah kepada orang Islam yang lain dan masih tidak bersatu, katanya.

"Mereka dan agama mereka lebih teruk dihina oleh orang lain sekarang ini. Umat Islam dijadikan sasaran fitnah dan serangan hingga ramai terbunuh dan cedera parah. Negara Islam dikepung hingga tidak dapat bekalan makanan dan ubat.

"Sementara itu, kita boleh kecam dan kutuk orang lain. Apakah kita tidak perlu renung dan soal diri sendiri akan sebabnya segala malapetaka ini menimpa kita.

"Tidakkah ia kerana kita tidak mengamalkan segala ajaran dan panduan yang terdapat dalam ibadat yang kita lakukan setiap hari. Tidakkah ia kerana ibadat Haji dan Umrah yang kita tunaikan mempengaruhi kita hanya semasa membuat ibadat ini sahaja dan tidak selepasnya?" kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MFZ AHH MAI